

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 21 APRIL 2016

KERATAN AKHBAR

Khamis 21 April 2016 • Sinar Harian 35

LEMBAH KLANG

Bekalan air semua empangan cukup

Masih berada dalam keadaan baik melebihi 60 peratus, tiada cadangan laksana catuan air

SHAH ALAM - Kapasiti takungan semua empangan di Selangor masih berada dalam keadaan baik melebihi paras 60 peratus biarpun dalam musim El-Nino.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, walaupun kapasiti air di kesemua empangan negeri dalam keadaan baik, kerajaan negeri telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah mitigasi untuk menghadapi musim kering yang melanda.

"Antara langkah-langkah diambil seperti melaksanakan operasi pembenihan awan seperti yang dilaksanakan pada tahun lalu di beberapa kawasan tadahan dan lembangan sungai bagi meningkatkan kuantiti sumber air.

"Pelaksanaan operasi bagi 2016 telah bermula pada 16 Januari lalu dan dijalankan sebanyak dua kali setiap hari," katanya dalam satu kenyataan kepada Sinar Harian.

Zaidy berkata, langkah lain adalah meneruskan dan menguruskan operasi pengepaman air dari kolam takungan di sekitar Bestari Jaya tanpa mengabaikan soal kualiti sumber air tersebut.

Katanya, operasi pengepaman bermula pada 8 Januari lalu dan jumlah pengeluaran dinaikkan sehingga 500 juta liter sehari (JLH).

Dalam pada sama, Adun Temppler itu berkata, pihaknya akan mengawal pelepasan air empangan bagi memastikan pelepasan dilaksanakan secara optimum dengan mengambil kira sumber air sedia ada.

"Selain itu, pengepaman air daripada Empangan Semenyih ke Langat yang dianggarkan sebanyak 70 JLH dilakukan untuk memastikan sumber air mencukupi bagi loji pembersihan air (LPA) Sungai Langat dan mengurangkan kebergantungan kepada pelepasan air daripada Empangan Langat.

"Turut dilakukan ialah menyalurkan air dari terowong Langat 2 ke Sungai Langat yang bertujuan untuk meredakan ketahanan Sungai Langat untuk LPA Sungai Langat, Bukit Tampoi dan Cheras Batu 11. Penyaluran sebanyak 300 JLH ini akan diaktifkan apabila kapasiti Empangan Langat mencah 45 peratus," katanya.

Tambah beliau, bagi mengelakkan pencemaran mangan dan ammonia dalam sungai, pihaknya menyediakan sumber air tambahan melalui dua kolam warta Orang Asli di Sepang untuk kegunaan LPA Bukit Tampoi.

Zaidy berkata, Kerajaan Selangor tidak bercadang melaksanakan catuan bekalan air buat masa ini.

Tubuh jawatankuasa khas pantau penggunaan air

KLANG - Kerajaan negeri disaran menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memantau penggunaan bekalan air di Selangor.

Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago berkata, cadangan tersebut bertujuan memastikan bekalan air mencukupi sepanjang negara mengalami cuaca panas yang melampau akibat fenomena El Nino.

"Kita nak jawatankuasa ini dipimpin oleh menteri besar dan dianggotai oleh Adun, Exco, ahli parlimen, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau wakil kerajaan.

"Jawatankuasa ini perlu menetapkan satu standard penggunaan air agar penjimatan dapat dilakukan bagi menjamin bekalan air yang mencukupi," katanya.

Menurutnya, walaupun Air Selangor memberi jaminan bahawa bekalan air di negeri mencukupi, namun sesuatu harus dilakukan sebelum krisis berlaku.

"Air sungai dan empangan di Selangor merosot kira-kira 30 peratus daripada 66.7 peratus kepada 95 peratus dalam tempoh satu bulan bermula Mac lalu.

"Kalau kita tak buat sesuatu, Selangor juga akan mengalami krisis air pada bulan depan akibat kesan El Nino ini," katanya.

Charles berkata, tindakan proaktif harus dilaksanakan supaya rakyat dapat menjimatkan penggunaan air serta-merta.

"Selangor mencatatkan penggunaan air tertinggi iaitu 232 liter sehari dan kita mesti kurangkan kepada 175 liter sehari iaitu kira-kira 25 peratus penggunaannya.

"Kalau kita berjaya kurangkan kadar penggunaan harian, kita akan selamat tetapi perkara sebaliknya pula akan berlaku jika gagal," katanya.

Menurutnya, cadangan menubuhkan jawatankuasa juga bertujuan mengelakkan krisis air yang melanda negeri lain tidak berlaku di Selangor.

"Kita tak nak Selangor menerima nasib sama macam Johor, Pahang, Perlis, Sabah dan Perak.

"Saya percaya mereka mengalami krisis air kerana tidak ada perancangan bagaimana cara nak simpan dan jimatkan air," katanya.

Menurutnya, usaha menubuhkan jawatankuasa ini perlu dipercepatkan supaya rakyat dapat menggunakan air dengan berhemah dan bertanggungjawab.

"Beberapa pelan cadangan boleh dilaksanakan supaya orang ramai menggunakan air mengikut keutamaan seharian.

"Mereka harus membuat pertimbangan supaya menghadkan pencucian kereta atau mengisir kolam renang di rumah masing-masing untuk kepentingan peribadi," katanya.

SEMPENA HARI BUMI SEDUNIA
#EcoFreeMarketShahAlam
TIADA JUAL BELI • TIADA PERTUKARAN BARTER • SEMUANYA PERCUMAI!

PENYUMBANG
PUSAT PERMANGAN • BUKU • ALAHAN SUKAN • ANJARAN SAHALA

FreeMarket

PELANGGAN
TIADA JUAL BELI • TIADA TUKARAN BARTER • SENYUM BAK-BAK • MINTA BAK-BAK

BERI ATAU AMBIL APA SAHAJA SECARA PERCUMAI!

23 April 2016 | 9.00 pagi - 11.00 pagi
Taman Sukan Lasak,
Jalan Lompat Pagar 13/37, Seksyen 13, Shah Alam

Bas Disediakan
• FPRT Rimba Jaya → Taman Sukan Lasak → FPRT Rimba Jaya
• FPRT HICOM → Taman Sukan Lasak → FPRT HICOM

Kaunter Pembelian
• Minyak Masak Terpakai
• Surat Khabar Lama

Maklumat Lanjut
• Shahrul Nizam 013-2937156 @ 03-5510 5133 samb. 1361
• Hadiah 016-296 9355 @ 03-5510 5133 samb. 1391

menangi Cabutan Bertuah

www.facebook.com/groups/FreeMarketMY/